

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : CUKAI TANAH PEJABAT DAERAH NEGERI SELANGOR**

141. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah kutipan cukai tanah Negeri Selangor bagi tahun 2016 dan 2017.
- b) Senaraikan jumlah cukai tanah yang tertunggak sehingga kini mengikut daerah-daerah di Negeri Selangor.
- c) Berapakah jumlah individu pemegang akaun berdasarkan cukai tanah yang tertunggak?

**JAWAPAN:**

- a) Berikut merupakan Jumlah Kutipan Cukai Tanah Negeri Selangor bagi tahun 2016 dan sehingga 30 September 2017 :

<b>HASIL CUKAI TANAH</b>	<b>KUTIPAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2016 (RM)</b>	<b>KUTIPAN SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2017 (RM)</b>
Cukai Tanah Semasa / Berulang	417,735,920.78	468,844,426.16
Cukai Tanah Tahun Pertama	12,661,726.95	10,243,803.03
Tunggakan Cukai Tanah	43,556,671.92	33,951,342.77
<b>JUMLAH HASIL CUKAI TANAH</b>	<b>473,954,319.65</b>	<b>513,039,571.96</b>

(Sumber : Laporan Hasil SPEKS pada 31 Disember 2016 dan Laporan Hasil terkini sehingga 30 September 2017)

- b) Berikut merupakan senarai Cukai Tanah yang tertunggak sehingga 30 September 2017 mengikut daerah-daerah di Negeri Selangor :

<b>PEJABAT DAERAH DAN TANAH</b>	<b>CUKAI TANAH TERTUNGGAK SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2017 (RM)</b>
Petaling	124,556,755.08
Gombak	51,237,639.57
Klang	50,179,908.12
Kuala Langat	4,752,128.09
Hulu Langat	34,299,680.69
Sepang	9,053,207.75
Kuala Selangor	7,285,983.64
Hulu Selangor	27,613,737.68
Sabak Bernam	915,384.75
<b>JUMLAH</b>	<b>309,894,425.37</b>

(Sumber : Sistem eSPHT - Laporan Akaun Belum Terima Cukai Tanah (ABT) sehingga 30 September 2017)

- c) Berikut merupakan senarai laporan jumlah individu pemegang akaun berdasarkan cukai tanah yang tertunggak sehingga 30 September 2017 mengikut daerah di Negeri Selangor :

<b>PEJABAT DAERAH DAN TANAH</b>	<b>JUMLAH</b>	
	<b>BILANGAN INDIVIDU</b>	<b>AMAUN TUNGGAKAN (RM)</b>
Petaling	90,038	50,969,109.28
Gombak	36,337	21,564,078.25
Klang	68,456	28,443,908.78
Kuala Langat	19,819	3,653,449.78
Hulu Langat	72,399	23,781,755.36
Sepang	21,545	4,677,769.10
Kuala Selangor	22,304	4,704,250.22
Hulu Selangor	20,507	9,710,390.35

PEJABAT DAERAH DAN TANAH	JUMLAH	
	BILANGAN INDIVIDU	AMAUN TUNGGAKAN (RM)
Sabak Bernam	8,991	849,686.35
<b>JUMLAH</b>	<b>360,396</b>	<b>148,354,397.47</b>

(Sumber : Sistem eSPHT - Laporan Akaun Individu Cukai Tertunggak Sehingga 30 September 2017. Laporan ini tidak termasuk tunggakan Syarikat Sehingga 30 September 2017)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : CUKAI PINTU**

142. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah kutipan cukai pintu seluruh PBT di Negeri Selangor pada tahun 2016 dan 2017.
- b) Senaraikan jumlah keseluruhan cukai pintu yang tertunggak sehingga kini mengikut PBT.
- c) Nyatakan jumlah individu pemegang akaun berdasarkan cukai pintu yang tertunggak.

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah kutipan cukai pintu seluruh PBT di Negeri Selangor pada tahun 2016 dan 2017 (sehingga 30 September 2017) adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>PBT</b>	<b>CUKAI TAKSIRAN 2016 (RM)</b>	<b>CUKAI TAKSIRAN 2017 (RM)</b>
1.	MBSA	270,893,518.00	264,014,578.31
2.	MBPJ	235,807,282.00	218,624,812.00
3.	MPK	156,237,940.00	165,561,034.63
4.	MPAJ	91,480,639.00	75,086,879.16
5.	MPSJ	185,414,567.00	184,144,595.29
6.	MPS	98,707,235.00	82,673,531.41
7.	MPKj	89,836,394.00	83,573,319.36
8.	MPSp	106,284,739.00	95,764,373.00
9.	MDKL	30,379,067.00	27,696,607.00

<b>BIL</b>	<b>PBT</b>	<b>CUKAI TAKSIRAN 2016 (RM)</b>	<b>CUKAI TAKSIRAN 2017 (RM)</b>
10.	MDHS	52,545,362.00	47,598,031.52
11.	MDKS	25,986,173.00	24,065,335.81
12.	MDSB	7,412,917.00	5,242,579.40
<b>JUMLAH</b>		<b>1,350,985,833.00</b>	<b>1,274,045,676.89</b>

b) dan c)

Jumlah tunggakan cukai taksiran sehingga 30 September 2017 serta pegangan mengikut PBT adalah seperti jadual berikut:

<b>BIL</b>	<b>PBT</b>	<b>JUMLAH TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN (RM)</b>	<b>BILANGAN PEGANGAN</b>
1.	MBSA	21,184,758.72	30,695
2.	MBPJ	29,375,188.00	33,393
3.	MPK	41,640,966.43	69,768
4.	MPAJ	57,960,937.00	57,053
5.	MPSJ	7,500,000.00	176,000
6.	MPS	8,980,000.00	44,000
7.	MPKj	13,161,083.10	85,034
8.	MPSp	25,094,092.78	39,347
9.	MDKL	11,805,386.50	20,733
10.	MDHS	16,320,317.00	35,720
11.	MDKS	3,400,000.00	26,075

<b>BIL</b>	<b>PBT</b>	<b>JUMLAH TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN (RM)</b>	<b>BILANGAN PEGANGAN</b>
12.	MDSB	825,699.99	3,817
<b>JUMLAH</b>		<b>237,248,429.52</b>	<b>621,635</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR (PKNS)**

143. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah usahasama yang dilakukan oleh PKNS bersama pihak swasta dari tahun 2008 hingga kini.
- b) Nyatakan jumlah tanah PKNS yang terlibat.
- c) Berapakah jumlah pendapatan yang diperolehi oleh PKNS hasil usahasama tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Sejak tahun 2008 sehingga kini, PKNS hanya melaksanakan sebanyak dua (2) projek usahasama dengan pihak swasta yang mana perjanjian usahasama tersebut telah dimeterai pada tahun 2017.
- b) Jumlah keluasan tanah yang terlibat adalah seluas 101.3 ekar.
- c) Jumlah pendapatan yang diperolehi oleh PKNS hasil usahasama tersebut adalah sebanyak RM340 juta.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : PERMODALAN NEGERI SELANGOR BERHAD (PNSB)**

144. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah fokus utama dan halatuju PNSB?
- b) Apakah PNSB terlibat dengan sebaran usahasama dengan swasta?
- c) Berapakah jumlah keuntungan dari usahasama tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Fokus utama dan halatuju PNSB adalah menjadi sebuah syarikat pembangunan dan pelaburan hartanah di Negeri Selangor yang menjalankan aktiviti seperti pengurusan hartanah, perkhidmatan insuran dan lain-lain perkhidmatan. Dalam masa yang sama, PNSB masih menguruskan sebahagian projek-projek usahasama dan tanah-tanah yang dimiliki oleh pihak MBI.
- b) Ya, PNSB terlibat dalam usahasama dengan beberapa syarikat swasta yang berkeelayakan bagi pembangunan hartanah.
- c) Merujuk kepada Laporan Kewangan beraudit PNSB untuk tahun 2016, jumlah keuntungan hasil usahasama dengan syarikat-syarikat swasta yang dicatatkan dalam tahun 2016 adalah sebanyak RM7,663,402.22.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : KUMPULAN SEMESTA SDN BHD (KSSB)**

145. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah prestasi kewangan KSSB sehingga kini?
- b) Berapakah jumlah kelulusan permit pasir yang diberikan kepada KSSB di Daerah Kuala Selangor dari tahun 2008 hingga kini?
- c) Senaraikan kawasan perlombongan pasir KSSB di daerah Kuala Selangor bagi tahun 2017.

**JAWAPAN:**

- a) Prestasi kewangan beraudit sehingga kini:-

Tahun	Pendapatan (RM'Juta)	Keuntungan Kasar (RM'Juta)	Keuntungan Operasi* (RM'Juta)
2008	4.8	2.0	1.2
2009	31.0	13.4	9.1
2010	61.3	27.0	20.0
2011	84.4	33.3	25.1
2012	63.5	26.2	19.9
2013	71.0	24.8	18.2
2014	118.0	42.9	31.5
2015	114.7	33.7	26.3
2016	82.8	13.8	4.5

\* EBITDA

- b) Jumlah kelulusan permit yang diberikan kepada KSSB di daerah Kuala Selangor dari tahun 2008 hingga kini adalah sebanyak 41 permit.
- c) Senaraikan kawasan perlombongan pasir KSSB di daerah Kuala Selangor bagi tahun 2017:-

No.	Lokasi
1	PT5627HS(D)274159, Mukim Bestari Jaya
2	Kolam Takungan Hang Tuah (PT 6598,PT 6599 & PT 6600) (HORAS 600)

No.	Lokasi
3	Lot 5010 & Lot 5170 (Kg Makmur)
4	Malaysian Rock Product
5	LOT4601 PT 5626 HS(D)274158, Mkm B.Jaya - Bestari Mining Sdn Bhd - K.Selangor
6	Stockpile CST Mining (Kampung Makmur)
7	Stockpile Horas Lot 169
8	Stockpile Kg Makmur (Lot 5170)
9	Sungai Buloh F (Mega Enrich)
10	Sungai Buloh A ( Mega Enrich)
11	Sungai Buloh B (Kim Koo Hardware)
12	Sungai Buloh C ( YWC Hardware Trading)
13	Sungai Buloh D ( Mula Holdings S/B)
14	Sungai Buloh E (KLN Family Enterprise)
15	Sungai Selangor - Pekan Bestari (Berestu)
16	Sungai Selangor - Pekan Bestari (Two B Machineris)
17	Sungai Selangor - Rantau Panjang (Sensible Frontier)
18	Sungai Selangor (Kampung Asahan)
19	Sungai Taman Sri Endah-Plot A
20	Sungai Taman Sri Endah-Plot B
21	Sungai Taman Sri Endah-Plot C
22	Sungai Taman Sri Endah-Plot D
23	Sungai Taman Sri Endah-Plot E
24	Sungai Taman Sri Endah-Plot F
25	Tanah Liat Lot 2501
26	Plot B, Bestari Jaya (2017)

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : JABATAN KERJA RAYA NEGERI SELANGOR (JKR)**

146. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan secara terperinci prestasi perbelanjaan pembangunan JKR yang diumumkan dalam Bajet Selangor 2017.
- b) Sejauh manakah peruntukan ini dapat membantu JKR menyelesaikan masalah?

**JAWAPAN:**

- a) Prestasi perbelanjaan pembangunan (P12) sehingga 20 Oktober 2017 adalah 41.79% bersamaan RM162,984,471.83 dari jumlah peruntukan keseluruhan sebanyak RM390,000,000.00.
- b) Peruntukan pembangunan ini sangat membantu pihak JKR dalam melaksanakan projek pembangunan infrastruktur di Selangor yang melibatkan agihan sepertimana berikut:
  - i. Kerja membaikpulih cerun seluruh Selangor
  - ii. Membina jambatan dan jejantas
  - iii. Menaiktaraf lampun jalan dan lampu isyarat dan lampu jalan.
  - iv. Meningkatkan aspek keselamatan jalan.
  - v. Pengambilan balik tanah
  - vi. Membina jalan baru
  - vii. Menaiktaraf jalan sedia ada.
  - viii. Membina dan menaiktaraf bangunan seluruh Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH SELANGOR (JAKESS)**

147. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah masalah utama yang dihadapi oleh jabatan ini?
- b) Adakah setiap daerah di Negeri Selangor mempunyai mahkamah khusus ini?
- c) Nyatakan kes-kes tertunggak di JAKESS bagi tahun 2016 dan 2017.

**JAWAPAN:**

- a) Masalah utama yang dihadapi oleh Jabatan Kehakiman Syariah Selangor adalah berkaitan pengurusan kes di mana terdapat banyak kes-kes tertunggak dan memakan masa yang lama untuk diselesaikan. Namun begitu, perkara tersebut telah diambil tindakan di mana pihak kerajaan telah mewartakan satu lagi Mahkamah Rendah Syariah (MRS) yang baru iaitu MRS Ampang pada tahun 2008 dan kewujudan MRS Ampang ini banyak membantu mengurangkan kes-kes tertunggak di MRS Hulu Langat di samping memudahkan pihak-pihak untuk berurusan dengan mahkamah Syariah. Selain itu, pihak Kerajaan juga telah menambah sebanyak 94 Perjawatan Kontrak yang terdiri daripada Pegawai Sulh, Pegawai Penyelidik, Pendaftar dan Penolong Pendaftar yang ditempatkan di Mahkamah Tinggi Syariah (MTS) dan juga di MRS seluruh Negeri Selangor. Hasil yang kita dapat lihat pada hari ini, banyak kes-kes tertunggak dapat dikurangkan mutu penyampaian perkhidmatan di Mahkamah Syariah bertambah baik.
- b) Mahkamah Rendah Syariah (MRS) diwujudkan di setiap daerah dan sehingga kini sebanyak 12 buah MRS yang telah diwujudkan iaitu MRS Shah Alam, MRS Petaling, MRS Ampang, MRS Gombak Timur, MRS Gombak Barat, MRS Hulu Selangor, MRS Klang, MRS Kuala Langat, MRS Hulu Langat, MRS Sepang, MRS Kuala Selangor dan MRS Sabak Bernam.
- c) Sehingga bulan September 2017, sebanyak 646 kes tertunggak yang dilaporkan di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut, 224 adalah kes mal, manakala baki 422 adalah kes jenayah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : RASUAH DI KALANGAN PENJAWAT AWAM**

148. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah kes rasuah di kalangan penjawat awam Negeri Selangor.
- b) Apakah usaha Kerajaan Negeri bagi mengekang gejala rasuah tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Berdasarkan rekod pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) Negeri Selangor bermula Januari sehingga Oktober 2017, tiada kes rasuah dan penyalahgunaan kuasa yang disabitkan ke atas kakitangan awam di Negeri Selangor.

Walau bagaimanapun, dalam tempoh berkenaan, terdapat 37 kertas siasatan telah dibuka oleh pihak SPRM melibatkan kakitangan awam di Negeri Selangor. Daripada jumlah tersebut, empat belas (14) daripadanya adalah penjawat awam yang berkhidmat di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri dan selebihnya 23 adalah penjawat awam Persekutuan yang berkhidmat di Negeri Selangor. Kesemua kertas siasatan berkenaan masih dalam tindakan.

- b) Kerajaan Negeri juga sentiasa berusaha untuk memastikan tadbir urus organisasi dan penginstitutionan integriti dilaksanakan secara efisien dalam membendung sebarang bentuk salah laku di kalangan penjawat awam terutamanya yang melibatkan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Dalam mencapai hasrat ini, antara dasar dan inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri melalui Unit Integriti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, termasuklah:
  - i. Mewujudkan hubungan langsung dengan pihak SPRM Negeri Selangor serta pihak Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA) di Ibu Pejabat SPRM dalam mengambil langkah pencegahan serta penguatkuasaan terhadap jenayah salah laku rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa;
  - ii. Mewujudkan hubungan langsung dengan Unit Integriti di setiap jabatan/agensi dalam memberikan penerangan berkenaan integriti dan dalam masa yang sama membendung salah laku jenayah serta

pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi di kalangan kakitangan masing-masing;

- iii. Mengadakan kursus, seminar, bengkel dan taklimat berhubung tatakelakuan dan salahlaku rasuah;
- iv. Mengedarkan risalah-risalah berkaitan tatakelakuan dan salahlaku rasuah;
- v. Memberikan komitmen akan turut serta menjayakan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) dan mewujudkan inisiatif-inisiatif dalam membendung gejala rasuah; dan
- vi. Menyediakan saluran aduan integriti yang melibatkan penjawat awam melalui emel, talian telefon, faks, surat dan *walk-in* di Unit-unit Integriti yang ditubuhkan bagi memudahkan penyaluran aduan integriti sama ada dari kalangan kakitangan mahu pun orang awam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS)**

149. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan nama Ahli Majlis MDKS yang terkini berdasarkan parti yang di wakili.
- b) Nyatakan kemudahan-kemudahan yang diperolehi oleh setiap Ahli Majlis MDKS.
- c) Nyatakan jumlah keseluruhan perbelanjaan oleh Ahli Majlis MDKS dari tahun 2013 hingga 2017.

**JAWAPAN:**

- a) Senarai Ahli Majlis mengikut parti bagi penggal 2016 – 2017.

<b>BIL</b>	<b>NAMA</b>	<b>PARTI</b>
1	YANG DIPERTUA	-
2	YDH DATO' MOHAMAD YAACOB BIN HAJI ISMAIL DSIS., PJK.	-
3	TUAN HAJI MOHD FAKARUDDIN BIN ISMAIL	PAS
4	EN TAN KIK MENG	DAP
5	EN. MAGESVARAN A/L ARUMUGAM	PKR
6	EN THALAPATHI A/L DORAISAMY	PKR
7	PN MARIANA BINTI ABDULLAH	PKR
8	EN NG KOK GUAN	DAP
9	EN ANWAR BIN KARISON	PKR
10	EN ROSHAM BIN MOHAMMAD	PAS
11	TUAN HAJI OTHMAN BIN NGAH PJK.,	PAS
12	EN MUHAMMAD JAFARUDIN BIN SHEIKH DAUD	PAS

BIL	NAMA	PARTI
13	EN LEE LIH PERNG	DAP
14	EN LIM YAU MIEN	DAP
15	PUAN PUSHPA A/P NAGIAH VENGADESAN	PAN
16	EN SURESH A/L MANICKAM	PKR
17	TUAN MOHD NOOR BIN MOHD SHAHAR	PAS
18	EN. ANANDAN A/L DAMODARAN <i>PJK.</i> ,	PAS
19	PUAN NORHIDAYAH BINTI PARMIN	PAS
20	EN MOHAN A/L RAMASAMY	DAP
21	PN NOOR FAIZAH BINTI ISMAIL <i>PJK.</i> ,	PKR
22	EN KOO CHIN MIN	PKR
23	EN LIM PIANG NAM	PKR
24	EN LEE BON HONG	DAP
25.	EN. NOR AZHAR BIN JAMIL	PKR

b) Kemudahan-kemudahan yang diperolehi oleh setiap Ahli Majlis MDKS adalah seperti berikut :

- i. Elaun Tetap - RM2,000.00 sebulan
- ii. Elaun Mesyuarat - RM100.00 setiap kehadiran
- iii. Elaun Perjalanan/  
Penginapan/ layak - Setaraf jawatan P & P Gred 48
- iv. Pakaian Rasmi - *Lounge Suit/ Korporat*
- v. Peruntukan Sosial - Berdasarkan bilangan penduduk zon
  - RM33,000.00
  - RM31,000.00
  - RM15,000.00
  - RM10,000.00
- vi. Peruntukan Sumbangan - RM5,000.00
- vii. Bayaran Pengurusan  
Pejabat - RM1,000.00
- viii. Kemudahan Perubatan - RM1,500.00



- c) Jumlah keseluruhan perbelanjaan oleh Ahli Majlis MDKS dari tahun 2013 hingga 2017 adalah seperti berikut :

<b>BIL</b>	<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH PERUNTUKAN (RM)</b>
1	2013	908,144.00
2	2014	791,651.00
3	2015	825,478.00
4	2016	1,052,470.00
5	2017 (sehingga Sept 2017)	778,643.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : LEMBAGA ZAKAT SELANGOR**

150. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah kutipan zakat di Negeri Selangor dari tahun 2013-2017.
- b) Nyatakan bentuk-bentuk pengagihan dan jumlah yang terlibat bagi tahun 2013-2017.

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah kutipan zakat di Negeri Selangor dari tahun 2013-2017 adalah seperti berikut:

**\*JUMLAH KUTIPAN ZAKAT DARI TAHUN 2013-2017**

Jenis	Tahun				
	2013	2014	2015	2016	*2017
Pendapatan	308,984,578	350,144,739	386,038,371	415,006,003	207,068,490
Perniagaan	92,713,771	108,015,978	117,294,669	123,326,670	118,209,697
Simpanan	33,957,712	34,056,383	38,081,402	43,368,956	29,203,710
Saham	9,714,550	10,785,562	10,164,047	10,284,282	8,006,907
KWSP	7,927,337	9,112,087	9,724,947	12,598,513	8,710,375
Emas	2,358,429	2,433,929	2,501,603	2,759,502	1,705,647
Perak	55,565	135,337	50,870	86,588	80,961
Harta	39,155,226	44,273,298	39,287,437	41,631,708	23,805,666
Tanaman	2,877,304	2,703,196	2,528,327	2,396,353	1,046,695
Ternakan	19,442	30,941	54,053	38,490	18,698
Fitrah	19,541,361	20,564,439	21,495,047	22,239,217	23,659,998
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>517,305,275</b>	<b>582,255,890</b>	<b>627,220,773</b>	<b>673,736,282</b>	<b>421,516,844</b>

Nota: i) Data belum diaudit.

ii) Jumlah kutipan bagi tahun 2017 adalah bagi tempoh Januari - Julai 2017.

- b) Bagi memastikan pengagihan zakat ini dapat disalurkan menyeluruh dan berkesan kepada lapan asnaf yang layak, LZS telah mengagihkannya melalui lima Program Pembangunan Utama iaitu:

**1. Program Pembangunan Sosial**

Merupakan mekanisme bagi menjamin kehidupan berkualiti asnaf. Ia meliputi aspek perlindungan atau perumahan, keperluan hidup, kebajikan ummah secara umum. Antara bantuan yang diberikan adalah bantuan makanan bulanan, bantuan baik pulih dan bina rumah, bantuan perubatan dan sebagainya, mengikut kelayakan yang ditetapkan.

**2. Program Pembangunan Pendidikan**

Ia merupakan program yang membantu asnaf untuk keluar dari kepompong kemiskinan. Melalui program ini, LZS membentuk anak-anak asnaf sebagai generasi kedua, generasi cemerlang yang mampu membawa keluarga keluar daripada kemiskinan melalui pembiayaan pendidikan bermula dari peringkat pra persekolahan hinggalah ke IPTA/IPTS terpilih.

**3. Program Pembangunan Insan**

Ia dirangka demi membangunkan aspek spiritual asnaf. Ia meliputi aspek motivasi, sikap dan kekeluargaan dengan penekanan menerusi kursus-kursus kerohanian, tahsinul ibadah, tahsinul qiraat, kursus keibubapaan dan sebagainya.

**4. Program Pembangunan Ekonomi**

LZS menjadikan program ini sebagai salah satu jalan keluar bagi menangani kemiskinan. Ia ibarat memberi 'pancing' kepada asnaf. Bantuan ini disediakan dalam bentuk bantuan modal dan peralatan kepada asnaf fakir, miskin dan muafak yang berpotensi menjadi usahawan.

**5. Program Pembangunan Institusi Agama**

Bantuan zakat yang disalurkan bertujuan menjamin kebajikan dan kesejahteraan. Melalui dana zakat, ia dapat membantu memenuhi tanggungjawab sosial dalam memberi kemudahan dan kesejahteraan berbentuk prasarana untuk keperluan ummah.

Jumlah agihan zakat yang telah disalurkan melalui lima program pembangunan ini dapat dilihat pada perincian berikut:

**\*JUMLAH AGIHAN ZAKAT DI SELANGOR DARI TAHUN 2013-2017**

TAHUN	JUMLAH (RM)
2013	463,472,826

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH (RM)</b>
2014	595,745,640
2015	676,047,579
2016	697,494,013
*2017	267,938,884

*Nota: i) Data belum diaudit.*

*ii) Data bagi tahun 2017 adalah sehingga bulan Julai 2017.*

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PRESTASI PERBELANJAAN JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR**

151. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan secara terperinci prestasi perbelanjaan pembangunan JAIS yang diumumkan dalam Bajet Selangor 2017.
- b) Nyatakan keberkesanan peruntukan ini dalam membantu JAIS.

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak RM128.5 juta telah diperuntukan kepada JAIS pada tahun 2017 bagi tujuan perbelanjaan pembangunan (P14). Sehingga 19 Oktober 2017, pihak JAIS telah membelanjakan sebanyak RM68,893,343.45 (53.61%) untuk tujuan tersebut. Pihak JAIS mengunjurkan perbelanjaan sebanyak 95% sehingga akhir tahun ini.
- b) Merujuk kepada peruntukan yang disediakan kepada JAIS bagi tujuan perbelanjaan pembangunan, keberkesanan peruntukan ini dapat dilihat melalui perbelanjaan yang telah digunakan yang mana pihak JAIS dapat melaksanakan projek-projek yang telah dirancang seperti pembangunan baru, baikpulih dan menaiktaraf masjid, surau, sekolah agama dan Pejabat Agama Islam Daerah dan akhirnya masyarakat dapat menikmati kemudahan yang lebih selesa.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : RIZAB SIMPANAN WANG PBT**

152. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah rizab simpanan wang di setiap PBT dari 2014-2017.
- b) Bagaimanakah kaedah Kerajaan Negeri membantu meningkatkan jumlah pendapatan PBT?

**JAWAPAN:**

- a) Secara keseluruhannya, rizab tunai di semua PBT Negeri Selangor telah meningkat sebanyak 38% jika dibandingkan dengan rizab tunai yang diperolehi pada tahun 2014 dan tahun 2016 iaitu daripada RM1,439.00 juta kepada RM1,990.33 juta. Bagi data rizab tunai PBT tahun 2017, tiada maklumat dapat diberikan berikutan tempoh perakaunan 2017 masih belum berakhir.

Butiran terperinci kesemua rizab tunai PBT Negeri Selangor dengan mengambil kira keserataannya tunai ditolak dengan liabiliti semasa sejak tahun 2014 hingga tahun 2016 adalah seperti di jadual berikut:

PIHAK BERKUASA TEMPATAN	RIZAB TUNAI (RM JUTA)		
	TAHUN 2014	TAHUN 2015	TAHUN 2016
<b>MBSA</b>	370.84	401.13	454.82
<b>MBPJ</b>	420.85	411.22	360.08
<b>MPK</b>	28.86	82.89	176.15
<b>MPAJ</b>	92.87	107.91	90.73
<b>MPSJ</b>	128.49	102.52	120.70
<b>MPS</b>	44.77	70.53	150.54
<b>MPKJ</b>	172.84	207.50	264.68
<b>MPSP</b>	133.04	192.29	250.40
<b>MDKS</b>	(8.05)	12.17	13.13
<b>MDHS</b>	16.32	43.89	56.83
<b>MDKL</b>	28.77	35.03	47.42
<b>MDSB</b>	9.40	5.88	4.85
<b>JUMLAH</b>	<b>1,439.00</b>	<b>1,672.96</b>	<b>1,990.33</b>

- b) Kerajaan Negeri Selangor telah menyasarkan agar kutipan cukai taksiran semasa oleh PBT Negeri Selangor mencapai 90% manakala kutipan tunggakan cukai taksiran pula mencapai 70% seperti yang telah diluluskan dalam Mesyuarat MMKN Ke 7/2006 yang diadakan pada 5 April dan disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 19 April 2006.

Prestasi rizab PBT dalam tempoh lima tahun terkini telah menunjukkan peningkatan. Antara langkah-langkah proaktif yang dilaksanakan oleh PBT-PBT untuk memastikan rizab setiap PBT terus stabil dan bertambah adalah seperti berikut:

1. Mempertingkatkan kutipan cukai taksiran dengan menguatkuasakan tindakan di bawah Seksyen 148 Akta 171 iaitu tindakan untuk menuntut tunggakan.
2. Mengadakan kempen bayaran cukai taksiran yang melibatkan kawasan perumahan dan kampung yang tertentu yang mempunyai tunggakan cukai taksiran yang tinggi.
3. Melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan bagi meningkatkan prestasi kutipan hasil. Selain itu, kaedah penjimatan, kawalan bajet

dan kawalan kos dipraktikkan dari masa ke semasa bagi menggalakkan jabatan membuat perbelanjaan berdasarkan keperluan dan keutamaan tanpa melibatkan sebarang kos tambahan.

4. Membuat perbandingan faedah yang telah ditawarkan oleh pihak bank bagi memastikan pelaburan simpanan tetap dibuat ke dalam bank yang menawarkan faedah yang kompetitif sahaja.
5. Berusaha mencari hasil-hasil baharu yang membantu menjana pendapatan PBT.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : CUKAI PINTU TERTUNGGAK**

153. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah cukai pintu tertunggak dari 2014-2017.
- b) Nyatakan jumlah penama yang gagal membayar cukai pintu mengikut PBT.
- c) Bagaimanakah kaedah Kerajaan Negeri untuk mengutip cukai tertunggak tersebut?

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Jumlah bilangan pegangan yang gagal menjelaskan cukai taksiran adalah sebanyak 621,635 pemilik pengangan dan pecahan mengikut PBT bagi tunggakan cukai taksiran sehingga 30 September 2017 adalah jadual berikut:

<b>BIL.</b>	<b>PBT</b>	<b>JUMLAH TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN</b>	<b>BILANGAN PEGANGAN</b>
1.	MBSA	21,184,758,.72	30,695
2.	MBPJ	29,375,188.00	33,393
3.	MPK	41,640,966.43	69,768
4.	MPAJ	57,960,937.00	57,053
5.	MPSJ	7,500,000.00	176,000
6.	MPS	8,980,000.00	44,000
7.	MPKj	13,161,083.10	85,034
8.	MPSp	25,094,092.78	39,347
9.	MDKL	11,805,386.50	20,733

<b>BIL.</b>	<b>PBT</b>	<b>JUMLAH TUNGGAKAN CUKAI TAKSIRAN</b>	<b>BILANGAN PEGANGAN</b>
10.	MDHS	16,320,317.00	35,720
11.	MDKS	3,400,000.00	26,075
12.	MDSB	825,699.99	3,817
<b>JUMLAH</b>		<b>237,248,429.52</b>	<b>621,635</b>

- c) Bagi memastikan perkhidmatan PBT di tahap yang optimum, Kerajaan Negeri telah menggariskan sasaran tahunan yang perlu dikutip oleh setiap PBT iaitu sebanyak 90% bagi Cukai Pintu Semasa dan 70% bagi Tunggakan Cukai Pintu dan ianya sentiasa dipantau melalui Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan yang diadakan secara berkala iaitu 4 kali setahun dan dipengerusikan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : LESEN PERNIAGAAN**

154. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah pemilik lesen perniagaan di Selangor mengikut PBT.
- b) Nyatakan jumlah dan tahun kenaikan lesen perniagaan dari 2008 hingga kini mengikut PBT.
- c) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menaikkan kadar lesen pada masa hadapan?

**JAWAPAN:**

- a) Jumlah pemilik lesen perniagaan di Selangor mengikut PBT adalah sebanyak 299,622. Perincian mengikut PBT adalah seperti di Jadual 1.

Jadual 1 : Jumlah pemilik lesen perniagaan di Selangor mengikut PBT

<b>BIL.</b>	<b>PBT</b>	<b>JUMLAH LESEN PERNIAGAAN</b>
1.	MBSA	11,673
2.	MBPJ	23,683
3.	MPK	29,569
4.	MPAJ	10,457
5.	MPSJ	87,549
6.	MPS	25,386
7.	MPKJ	30,019
8.	MPSP	17,796
9.	MDKL	19,021
10.	MDHS	5,241

<b>BIL.</b>	<b>PBT</b>	<b>JUMLAH LESEN PERNIAGAAN</b>
11.	MDKS	33,759
12.	MDSB	5,469
<b>JUMLAH</b>		<b>299,622</b>

Nota : Sumber data daripada PBT

- b) Kerajaan Negeri pada tahun 2014 telah melaksanakan semakan semula kadar fi lesen perniagaan yang telah digunakan semenjak tahun 1987. Berdasarkan semakan tersebut, Kerajaan Negeri telah menetapkan supaya setiap satu (1) lesen utama dikenakan dan dua (2) atau tiga (3) fi aktiviti sokongan seperti memproses, memborong, menyimpan atau menjual.

Seterusnya pada tahun 2015, Kerajaan Negeri telah menyemak semula kadar kenaikan yang telah dilaksanakan pada tahun 2014 dengan memfokuskan kepada 34 jenis perniagaan sahaja berikutan terdapat banyak rungutan berkenaan kenaikan kadar fi lesen ini sebanyak 16% hingga 120% setelah semakan semula pada tahun 2014.

Sehubungan dengan itu, pada tahun 2016, penstrukturan semula lesen telah dibuat dengan pambinaan telah dilakukan dengan kaedah kenaikan kadar fi lesen kepada satu (1) aktiviti utama dan satu (1) aktiviti sokongan sahaja berbanding satu (1) aktiviti utama dan dua (2) atau tiga (3) aktiviti sokongan yang dikenakan pada tahun 2014. Penstrukturan semula ini telah mengurangkan kenaikan fi lesen berganda kepada 87 kategori perindustrian dan 28 kategori perniagaan sedia ada.

- c) Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk menaikkan kadar lesen buat masa ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PEMUTIHAN KILANG HARAM**

155. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan status terkini program pemutihan kilang haram di Selangor
- b) Nyatakan jumlah kilang haram dan berlesen yang terdapat di Selangor mengikut PBT.

**JAWAPAN:**

- a) Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran dilaksanakan pada Julai 2007 dan dijangka selesai pada tahun 2008 namun begitu program ini telah dilanjutkan sebanyak enam (6) kali untuk memberi peluang kepada pemilik tanah dan pengusaha kilang untuk memutihkan tanah tersebut. Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran ini telah tamat pada 31 Disember 2015. Selanjutnya, tindakan penguatkuasaan dilaksanakan ke atas pemilik tanah dan pengusaha kilang yang masih belum memutihkan tanah mereka.
- b) Jumlah kilang haram dan berlesen yang terdapat di Selangor mengikut PBT adalah seperti di **Lampiran B**.

**LAMPIRAN B**

**STATISTIK KILANG TANPA KEBENARAN DI NEGERI SELANGOR**

Bil.	Daerah	PBT	Jumlah		Permohonan Tukar Syarat					Premium Tambahan (Rm)	
			Lot	Kilang	Bil. Permohonan	Lulus	Tolak	Batal	Belum Memohon	Dibayar	Belum Dibayar
1.	Petaling	MBSA	787	817	753	731	6	16	34	72,604,562.34	59,477,346.00
		MBPJ	20	20	0	0	0	0	20	0.00	0.00
		MPSJ	145	252	81	77	4	0	61	16,755,431.00	1,131,770.00
2.	Klang	MBSA	226	227	178	134	7	37	571	29,428,170.10	2,380,937.00
		MPK	535	621							
3.	Hulu Langat	MPK	351	428	170	169	18	4	181	51,179,214.80	-
		MPAJ									
4.	Gombak	MPAJ	0	0	43	28	1	14	94	5,528,344.05	341,305.00
		MPS	137	157							
5.	Sepang	MPSD	64	55	2	1	0	1	55	133,256.25	-
6.	Kuala Langat	MDKL	177	197	92	73	15	4	78	8,450,882.00	1,982,512.00
7.	Kuala Selangor	MDKS	34	149	4	1	0	3	27	303,262.00	-
8.	Hulu Selangor	MDHS	23	53	11	5	3	3	11	810,845.00	-
9.	Sabak Bernam	MDSB	24	22	12	4	6	2	22	490,009.00	-
Jumlah			2,523	2,998	1,346	1,223	60	97	1,154	185,683,976.54	65,313,870.00

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : WIFI SMART SELANGOR**

156. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan statistik pemasangan WiFi Smart Selangor dari 2014-2017 mengikut PBT.
- b) Nyatakan jumlah perbelanjaan bagi memasang dan menyelenggara WiFi Smart Selangor dari 2014-2017 mengikut PBT.

**JAWAPAN:**

- a) Pemasangan WiFi Smart Selangor telah bermula pada pertengahan tahun 2015 setelah kontrak perkhidmatan WiFi Selangorku tamat pada bulan Februari 2015. Statistik pemasangan WiFi Smart Selangor dari 2015 sehingga 2017 adalah seperti berikut:

<b>PBT</b>	<b>Pada 30 Sep 2017</b>	<b>Pada 31 Dis 2016</b>	<b>Pada 31 Dis 2015</b>
MBSA	703	545	399
MBPJ	575	564	377
MPKJ	503	462	413
MPSJ	447	479	321
MPK	322	253	148
MPSepang	244	118	102
MDSB	221	143	6
MPS	201	117	111
MPAJ	148	128	76
MDKS	118	17	14
MDKL	72	39	17
MDHS	58	41	7
<b>Jumlah</b>	<b>3,612</b>	<b>2,967</b>	<b>1,991</b>

- b) Perbelanjaan berkaitan perkhidmatan WiFi Smart Selangor adalah seperti berikut:

<b>Butiran</b>	<b>Setakat Sep 2017 (RM)</b>	<b>2016 (RM)</b>	<b>2015 (RM)</b>
Jumlah Keseluruhan	7,335,111	4,065,572	1,943,836

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN  
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : PROGRAM SMART SELANGOR**

157. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah program-program di bawah Smart Selangor?
- b) Berapakah perbelanjaan untuk melaksanakan program-program Smart Selangor tahun 2017?

**JAWAPAN:**

- a) Senarai program-program di bawah Smart Selangor adalah seperti berikut:-

<b>Bil</b>	<b>Program</b>
1	Smart App Development Platform (SADP)
2	Community Opinions OnLine (COOL)
3	Intelligent Response Selangor (i-RS)
4	Selangor Intelligent Transport System (SITS)
5	Wifi Percuma Smart Selangor
6	Demonstrasi "Internet of Things"
7	Smart Selangor Data Centre (SSDC)
8	Early Intervention Program (EIP)

- b) Perbelanjaan diperuntukkan untuk melaksanakan program-program Smart Selangor tahun 2017 adalah sebanyak RM22 juta.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN  
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : NILAI HARTANAH DI SELANGOR**

158. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan kadar kenaikan, nilai semasa dan prospek hartanah di Selangor berdasarkan jenis hartanah di setiap kawasan tadbiran PBT.
- b) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai dasar tertentu untuk mengawal kenaikan nilai hartanah?

**JAWAPAN:**

- a) Pada tahun 2017 didapati keadaan pasaran harta tanah di seluruh kawasan Pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Selangor secara amnya adalah stabil. Walaubagaimanapun terdapat tren yang menunjukkan harga rumah yang berharga RM500,000 seunit dan ke atas mengalami sedikit penurunan harga di setengah-setengah kawasan tertentu.

Fokus jawapan pertanyaan ini hanya kepada harta tanah jenis **rumah teres 2 tingkat** sahaja. Julat harga bagi harta tanah di semua PBT di Selangor adalah seperti berikut:

<b>PBT</b>	<b>Lingkungan Harga (RM/unit)</b>
1. Majlis Bandaraya Petaling Jaya	1,450,000 - 1,670,000
2. Majlis Bandaraya Shah Alam	499,000 - 612,000
3. Majlis Perbandaran Subang Jaya	670,000 - 935,000
4. Majlis Perbandaran Kajang	570,000 - 730,000
5. Majlis Daerah Kuala Selangor	310,000 - 320,000
6. Majlis Daerah Sabak Bernam	Tiada
7. Majlis Daerah Kuala Langat	335,888 - 410,000
8. Majlis Perbandaran Sepang	400,000
9. Majlis Perbandaran Ampang Jaya	490,000 - 800,000
10. Majlis Perbandaran Kajang	545,000 - 590,000
11. Majlis Daerah Hulu Selangor	145,000 - 260,000
12. Majlis Perbandaran Selayang	550,000 - 700,000

*Sumber: Data pindahmilik harta tanah yang direkodkan oleh JPPH dalam tempoh Jul-Dis 2016 dan Jan-Jun 2017*

*Nota1 : Tiada = tiada pindahmilik rumah 2 tingkat direkodkan di kawasan MDSB*

Secara keseluruhannya harta tanah di seluruh PBT di Negeri Selangor masih lagi mempunyai prospek yang baik terutamanya di kawasan PBT-PBT yang

terletak di kawasan yang telah mantap pembangunannya (*established area*) seperti di kawasan MBPJ, MBSA, MPSJ, MPAJ, MPK dan MPKj. Beberapa kawasan pembangunan pembangunan yang baru dijangka dapat menggalakkan perkembangan industri harta tanah di Selangor seperti Bandar Elmina (Elmina City). Bandar Elmina yang terletak di kawasan pentadbiran MBSA dirancang supaya ia menjadi perbandaran holistik yang lengkap dengan kemudahan, keselamatan, akses ke pusat bandar, kegiatan ekonomi dan kejurangan yang baik. Walaupun pembangunan perumahan sedemikian mendapat permintaan, tetapi tumpuan seharusnya diberikan kepada pembinaan rumah-rumah mampu milik di setiap kawasan kerana rumah-rumah kategori ini masih mempunyai permintaan yang tinggi.

- b) Setakat ini tidak terdapat sebarang mekanisma yang digariskan oleh Kerajaan Persekutuan sebagai garis panduan kepada Kerajaan Negeri. untuk mengawal kenaikan nilai hartanah. Pengawalan terhadap nilai hartanah swasta tidak tersenarai dalam Kanun Tanah Negeri mahupun lain-lain perundangan yang berkaitan perumahan dan hartanah secara khusus memandangkan Malaysia mengamalkan pasaran bebas dan menjadi hak kepada penjual dan pembeli menentukan harga, berdasarkan prinsip 'willing seller and willing buyer. Hak terhadap harta juga terkandung sebagai hak asasi manusia yang dijamin di bawah Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN  
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : PELAKSANAAN MANIFESTO KERAJAAN NEGERI PAKATAN**

159. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan prestasi semasa pelaksanaan semua manifesto kerajaan Pakatan negeri.
- b) Berapakah jumlah kewangan yang telah digunakan untuk melaksanakan manifesto-manifesto tersebut?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN  
(N07 BATANG KALI)**

**TAJUK : PENERBITAN OLEH UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI (UPEN)**

160. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah fokus penerbitan oleh pihak UPEN?
- b) Nyatakan senarai penerbitan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri untuk rujukan dan sebaran sejak 2013 hingga kini.

**JAWAPAN:**

- a) Fokus penerbitan oleh pihak UPEN adalah pemakluman tentang status dan data-data ekonomi negeri.
- b) Antara penerbitan yang diterbitkan oleh UPEN bagi tujuan rujukan dan sebaran sejak 2013 hingga kini adalah seperti berikut:
  - 1. Laporan Demografi (2013)
  - 2. Laporan Ekonomi 2013/2014 (2014)
  - 3. Laporan Ekonomi 2014/2015 (2015)
  - 4. Laporan Ekonomi 2015/2016 (2016)
  - 5. Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor (PIPANS) (2016)
  - 6. Pelan Tindakan Teknologi Hijau 2015-2018 (2016)